

04 JUN 1998

Mahathir-IMF

BERI KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN BARU INDONESIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) supaya menghentikan muslihatnya melengah-lengahkan pemberian wang yang amat diperlukan dan dijanjikan kepada Indonesia.

Katanya keputusan IMF yang tetap mahu melihat kestabilan negara itu sebelum membuat pembayaran dana akan hanya menghalang kestabilan kerana ia menyulitkan pemulihan ekonomi, dan menyebabkan negara itu dilanda kemiskinan selanjutnya.

"Anda perlu beri kepercayaan kepada kerajaan baru ini, anda tidak boleh sentiasa merasa sangsi," katanya di sini semasa sesi soal jawab pada persidangan antarabangsa mengenai "Masa Depan Asia" anjuran Nihon Keizai Shimbun, Inc.

Menjawab satu soalan sama ada Asia Tenggara menganggap perubahan pucuk pimpinan di Indonesia sebagai positif atau negatif, Dr Mahathir berkata "Jika kerajaan baru Indonesia diberi sokongan, saya pasti sebahagian daripada masalah negara itu akan selesai dan peluang untuknya pulih akan lebih cerah lagi."

Selain itu, "selalunya kita andaikan bahawa jika kita tukar kerajaan, kita perbetulkan apa yang silap dan capai kejayaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau menyebut kes negara Ethiopia lebih dua dekad lalu yang tidak menjadi bertambah baik walaupun kerajaan ditukar.

Sebaliknya, keadaan menjadi lebih buruk lagi, tambah Dr Mahathir.

"...tapi saya tidaklah mengatakan ini akan berlaku di Indonesia...pertukaran kerajaan sahaja tidaklah bermakna segala-galanya akan menjadi bertambah baik jika perkara-perkara lain (seperti dana) yang harus ada bersama, tidak ada," kata Perdana Menteri.

Katanya Indonesia amat memerlukan bantuan kewangan berjumlah AS\$3 bilion yang dijanjikan oleh IMF itu, tetapi pemberian bantuan ini tertakluk kepada wujudnya kestabilan di Indonesia.

"Dan salah satu perkara yang perlu dilakukannya untuk menjadi stabil ialah menukar kerajaan dan Indonesia telahpun berbuat demikian, tetapi pertukaran ini tanpa wang tidak akan membantu."

Dengan penangguhan pembayaran ini, rakyat Indonesia masih tidak mendapat makanan dan ubat yang mencukupi.

Apabila rakyat menyaksikan ini semua, mereka akan menjadi amat marah terhadap kerajaan baru dan negara itu akan terus tidak stabil. Dengan demikian, agensi-agensi antarabangsa akan berkata "Kami tidak akan memberikan wang itu kepada anda," katanya.

Perdana Menteri menegaskan "Kita perlu hentikan kitaran ini, anda mesti memberikan mereka wang itu sekarang kerana mereka telahpun menukar kerajaan."

-- BERNAMA

MR KY MA